

Shah Alam, 16 November 2011 – Lim Min Syn mengharumkan nama Malaysia dengan merangkul hadiah Platinum Anugerah Pereka Muda Nippon Paint (NPYDA) 2011. Beliau menewaskan hampir 400 peserta Malaysia untuk memenangi anugerah Emas Malaysia, dan seterusnya bertarung dalam persaingan sengit dengan pemenang anugerah Emas dari Thailand untuk membawa pulang Anugerah Platinum serantau dan gelaran Pereka Muda Terbaik dalam kategori Seni Bina.

Rekaannya bertajuk “Strata” menampilkan sebuah perpustakaan masyarakat dengan seni bina dalam tanah yang direka bentuk sebagai penyelesaian kepada masalah kekurangan tanah di bandar dan kawasan pinggir bandar. Seni bina terbenam ini membolehkan penggunaan ruang secara maksimum sambil mengekalkan kehijauan yang semakin pupus di paras bumi. Laman terbenam memantulkan cahaya semula jadi manakala kehijauan di atas dan sekeliling bangunan menurunkan suhu persekitaran dan mengurangkan keperluan untuk pendinginan udara secara mekanikal.

Pelajar jurusan seni bina berusia 23 tahun dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini berkata, “Saya berasa terkagum dan gembira! Walaupun saya menaruh keyakinan terhadap kemahiran saya, kesungguhan mendorong saya untuk memberikan yang terbaik. Saya rasa bahawa selain mematuhi syarat pertandingan, kita perlu benar-benar memahami apa yang kita ingin lakukan untuk masyarakat. Dengan itu, kita akan memberi tumpuan penuh untuk memberikan yang terbaik, dan soal menang atau kalah tidak lagi penting.”



Lebih 400 pelajar seni reka dalaman dan seni bina dari seluruh rantau ini berkumpul di Malaysia untuk acara sehari yang memberi mereka peluang untuk berinteraksi, membina rangkaian dan bertukar-tukar idea dan pengetahuan. Pertandingan yang berlangsung untuk tahun keempat ini bertema “*Eco Design for Better Living*” (Reka Cipta Mesra Alam Untuk Hidup Lebih Baik), memberi peluang kepada pelajar seni reka dalaman dan seni bina untuk meluahkan idea-idea inovatif dan kreatif yang menerapkan kelestarian ke dalam gaya hidup yang sentiasa berubah, untuk memupuk tabiat bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup.

Tahun ini, Anugerah Pereka Muda Nippon Paint (NPYDA) yang dilanjutkan ke seluruh rantau ini telah menerima penyertaan berjumlah 707 dari Malaysia, Singapura, Vietnam dan Thailand. Di Malaysia sahaja, penyertaan diterima daripada 502 bakal pereka dalaman dan arkitek dari 43 kolej dan universiti di seluruh negara, memperlihatkan peningkatan hampir 50 peratus dari tahun lepas. Setiap penyertaan mencerminkan seni reka dalaman dan seni bina yang inovatif, kreatif dan bermutu tinggi.

Pemenang anugerah emas kategori Seni Reka Dalaman adalah Lim Chee Hong, manakala Chai Wan Ni memenangi anugerah perak. Kedua-duanya adalah pelajar dari Malaysian Institute of Art. Nor Hasni bin Ahmad dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima anugerah perak dalam kategori Seni Bina.

Berucap di majlis penyampaian anugerah, Cik Gladys Goh, Pengurus Besar Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, berkata, "Objektif NPYDA adalah untuk memberi peluang kepada bakat Malaysia dalam industri seni reka dalaman dan seni bina untuk memperlihatkan kreativiti dan idea mereka. Kualiti dan kreativiti yang semakin meningkat tahun demi tahun membuktikan keyakinan kami bahawa Malaysia mempunyai bakat muda yang menakjubkan dan berpotensi untuk menjadi pusat rekaan 'hijau'.

"Tahun ini, kami melanjutkan pertandingan ke seluruh rantau dengan membuka penyertaan kepada pelajar dari Singapura, Vietnam dan Thailand. Dan kami teruja dengan sambutan yang begitu memberangsangkan. Sukacita saya nyatakan bahawa kami telah mewujudkan satu pelantar yang bukan sahaja menyokong dan memupuk bakat pelajar, tetapi juga memberikan pendedahan antarabangsa dengan membolehkan mereka berinteraksi, membina rangkaian dan bertukar-tukar idea dan pengetahuan dengan bakat dari negara-negara lain," tambahnya.

Para pelajar yang menyertai pertandingan bertema "*Eco Design for Better Living*" dinilai berdasarkan kejayaan menggunakan bahan-bahan berdasarkan sumber yang terhad dan tenaga boleh diperbaharui yang dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan kitaran hidup dan kesan ke atas alam sekitar, membaiki kualiti persekitaran dalaman, menjimatkan kos operasi dan penyenggaraan, dan akhirnya meningkatkan kualiti hidup dan alam sekitar.

Mengulas mengenai tema hijau, Cik Gladys Goh berkata, "Kami percaya bahawa hijau (mesra alam) adalah satu-satunya cara bagi industri untuk melangkah ke hadapan dan adalah penting bagi bakat industri mengasah kemahiran mereka menurut keperluan gaya hidup yang sentiasa berubah. Sumber yang semakin pupus dan kesan tindak-tanduk manusia ke atas alam sekitar telah meningkatkan keperluan untuk menjamin kelestarian dan pereka generasi akan datang boleh memberi sumbangan besar kepada usaha untuk membaiki keadaan ini dengan menghasilkan rekaan mereka secara bertanggungjawab."

Pemenang Anugerah Emas Pertandingan Pereka Muda Nippon Paint 2011 dalam setiap kategori menerima hadiah wang tunai RM3,000 dan MacBook Pro 15" 2.536GHZ, manakala pemenang Anugerah Perak bagi setiap kategori menerima wang tunai RM2,000. Dua peserta yang mendapat Sebutan Kehormat dalam kedua-dua kategori masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,000. Selain meningkatkan profil dan portfolio pelajar, semua pemenang Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2011 akan mendapat peluang bekerja dengan syarikat Seni Reka Dalaman atau firma Arkitek.

Anugerah Platinum bagi kategori Seni Reka Dalaman dimenangi oleh Luong Thi Thanh Binh dari Vietnam. Selain hadiah wang tunai RM3,000, MacBook Pro 15" 2.536GHZ dan peluang pekerjaan, kedua pemenang Anugerah Platinum menerima Hadiah Utama Serantau berjumlah USD3,000 setiap seorang.

Anugerah Pereka Muda Nippon Paint juga mengiktiraf usaha kolej/universiti dan pensyarah kerana membimbing dan memupuk bakat pelajar mereka tanpa mengenal penat atau jemu. Anugerah emas untuk Pensyarah jatuh kepada Ooi Ai Eng, Daniel Chong dan Sundaresan dari Malaysian Institute of Art untuk kategori Seni Reka Dalaman dan Ar. NurAkmal Goh Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi kategori Seni Bina. Anugerah Emas untuk Kolej/Universiti masing-masing diberikan kepada Malaysian Institute of Art dan UKM.

Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2011 juga menerapkan modul pembelajaran dimana seramai lebih 400 peserta menghadiri bengkel untuk mempelajari pelbagai kemahiran sebagai persiapan dalam menceburi industri. Bengkel ini juga menyediakan pelantar bagi peserta bercampur gaul, berkenalan dan bertukar-tukar budaya, idea dan pengetahuan.

Anugerah Pereka Muda Nippon Paint telah dilancarkan pada tahun 2008 dengan tujuan mencungkil bakat seni reka dalaman dan seni bina. Ia adalah satu-satunya pertandingan di Malaysia yang mengiktiraf pelajar rekaan dalaman dan seni bina, dan mendapat sokongan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Institut Pereka Bentuk Dalaman Malaysia (IPDM), Persatuan Pereka Dalaman Malaysia (MSID), Konfederasi Bangunan Hijau Malaysia (MGBC), Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA).



Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2011

PLATINUM – ANUGERAH PEREKA MUDA TERBAIK 2011

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti	Hadiah
Seni Bina	Lim Min Syn (Malaysia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Wang tunai USD3,000
Seni Reka Dalaman	Luong Thi Thanh Binh (Vietnam)	Ho Chi Minh City University of Architecture	Wang tunai USD3,000

MALAYSIA

Kategori Seni Reka Dalaman

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti	Hadiah
Emas	Lim Chee Hong	Malaysian Institute of Art	Wang tunai RM3,000 + MacBook Pro 15" 2.536GHZ + Peluang pekerjaan
Perak	Chai Wan Ni	Malaysian Institute of Art	Wang tunai RM2,000 + Peluang pekerjaan
Sebutan Kehormat x 2	Lim Meng Yeu Quah Paik Choo Bernadette	KBU International College	Wang tunai RM1,000 + Peluang pekerjaan
Emas – Kolej/Universiti	Malaysian Institute of Art		Wang tunai RM1,000 + Baucar Nippon Paint RM1,000
Emas – Pensyarah	Ooi Ai Eng, Daniel Chong dan Sundaresan	Malaysian Institute of Art	Wang tunai RM1,000

MALAYSIA

Kategori Seni Bina

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti	Hadiah
Emas	Lim Min Syn	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Wang tunai RM3,000 + MacBook Pro 15" 2.536GHZ + Peluang pekerjaan
Perak	Nor Hasni Bin Ahmad	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Wang tunai RM2,000 + Peluang pekerjaan
Sebutan Kehormat x 2	Muhammad Qhawarizmi Bin Norhisham Asyraf Bin Azmi	Universiti Tecknologi MARA (UiTM) Universiti Putra Malaysia (UPM)	Wang tunai RM1,000 + Peluang pekerjaan
Emas – Kolej/Universiti	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		Wang tunai RM1,000 + Baucar Nippon Paint RM1,000
Emas – Pensyarah	Ar. NurAkmal Goh Abdullah	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Wang tunai RM1,000

SINGAPURA

Kategori Seni Reka Dalaman

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti
Emas	Jason Tan	Temasek Polytechnic

VIETNAM

Kategori Seni Reka Dalaman

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti
Emas	Luong Thi Thanh Binh	Ho Chi Minh City University of Architecture

THAILAND

Kategori Seni Reka Dalaman

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti
Emas	Phansa Buaphaichit	Silpakorn University of Thailand

Kategori Seni Bina

Anugerah	Pemenang	Kolej/Universiti
Emas	Kiattikhun Nimcharoenwan	Chulalongkorn University of Thailand

APA KATA PEMENANG MALAYSIA

Lim Min Syn, 23

Anugerah Emas & Platinum, kategori Seni Bina

“Saya berasa terkagum dan gembira! Walaupun saya menaruh keyakinan terhadap kemahiran saya, kesungguhan mendorong saya untuk memberikan yang terbaik. Saya rasa bahawa selain mematuhi syarat pertandingan, kita perlu benar-benar memahami apa yang kita ingin lakukan untuk masyarakat. Dengan itu, kita akan memberi tumpuan penuh untuk memberikan yang terbaik, dan soal menang atau kalah tidak lagi penting.

Buat masa ini, saya lihat generasi kita kekurangan penyelidikan dan inovasi. Jadi, kebanyakan orang lazimnya mengulangi konsep lama dan bersaing dari segi sejauh mana kecantikan imej 3D. Saya berpendapat kita patut cuba meninjau secara lebih jauh untuk meramalkan keperluan masa depan dan apa yang akan berlaku dalam 20 atau 30 tahun, dan juga pada kurun-kurun yang akan datang.”

Lim Chee Hong, 24

Anugerah Emas, kategori Seni Reka Dalaman

“Saya rasa seperti semua di keliling saya menjadi beku dan masa terhenti. Selain keseronokan memenangi anugerah, saya sangat menghargai pengalaman yang saya perolehi daripada pertandingan ini. Saya juga dapat peluang untuk bertemu dan bertukar-tukar pengetahuan dan idea inovatif dengan anak-anak muda dari seluruh rantau ini.”

Ar. Nur Akmal Goh Abdullah

Anugerah Emas Pensyarah, kategori Seni Bina

“Ini adalah kali kedua saya menerima anugerah ini, kali pertama pada 2009. Kami benar-benar membuktikan bahawa pelajar kami mempunyai keupayaan. Saya sentiasa menggalakkan pelajar saya menyertai pertandingan kerana ini adalah satu cara penting untuk membina keyakinan dan juga portfolio mereka. Selain itu, ia juga menyediakan saluran yang sesuai untuk memasarkan diri mereka kepada firma yang terbaik.

Malah arkitek terkenal juga sering menyertai pertandingan untuk menarik perhatian industri di seluruh dunia. NPYDA tidak pernah gagal menambah nilai kepada bakal arkitek kita, menyediakan mereka untuk masa depan.”

Daniel Chong, Ooi Ai Eng, Sundaresan

Anugerah Emas Pensyarah, kategori Seni Reka Dalaman

“Kami akui bahawa mutu penyertaan meningkat dari tahun ke tahun dan para pelajar begitu bersungguh-sungguh. Kami galakkan pelajar kami untuk sertai kerana isu alam sekitar dan budaya hijau adalah penting untuk masa hadapan dan menerusi pertandingan ini mereka boleh mengasah kemahiran untuk menerapkan ciri-ciri kelestarian dalam hasil kerja mereka.

Ini adalah tahun keempat penyertaan kami dan kami sangat yakin. Selain bakat, kami rasa kesungguhan juga penting dan kami benar-benar menggalakkan pelajar kami merasai keseronokan proses kerja mereka. Komunikasi dua hala antara pelajar dan pensyarah juga penting kerana matlamat kami adalah untuk mendorong mereka mencapai potensi penuh mereka.”

Untuk maklumat lanjut mengenai Anugerah Pereka Muda Nippon Paint 2011, sila layari
www.youngdesigneraward.com.my